


JENDELA

BULETIN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN USM

BIL. 1, APRIL, 1989

Selamat Hari Raya Aidilfitri

Maaf Zahir Batin



Daripada
Sidang Pengarang Jendela
Perpustakaan USM



Selamat
Hari Raya
Aidilfitri
Moga Raya Bermanis



Di
Tanjung
Tenggara

Sekapur Sirih


Salam Sejahtera

Sidang Pengarang JENDELA mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua kakitangan Muslim.

Mulai tahun 1989, JENDELA akan diterbitkan 3 kali setahun dan anda pembaca digalakkan menyumbang kepada buletin kita ini. Kejayaan JENDELA adalah kejayaan kita bersama.

Laporan-laporan di dalam isu ini menunjukkan bahawa Perpustakaan kita sentiasa aktif dan mengalami perubahan. Di harap semoga JENDELA akan terus kekal untuk melaporkan semua perubahan-perubahan yang akan kita alami.

Akhir kata, JENDELA berkhidmat untuk Perpustakaan.



KANDUNGAN

Rencana.....	2
Laporan.....	7
Hal-ehwal kakitangan.....	15
Personaliti.....	16
Sudut Pembaca.....	17
Sumber Ilham.....	18
Sudut Resipi.....	19
Cari kata.....	21
Ucapan.....	22

Sidang Pengarang

Norma Bahri (*Ketua Pengarang*)
 Akhiar Salleh
 Aznan Omar
 Boey Fook Loong
 Mary Vergis
 Md. Noor Din
 Mohd. Pisol Ghadzali
 Sakinah Che Embi
 Lim Chee Hong (*Penasihat*)

Penghargaan kepada

Nazik Yusoff (*Jurutaip*)
 S. Kirubanathan (*Grafik*)
 Ismail Abu (*Pencetak*)
 Kamaruddin Bidin (*Pencetak*)

RENCANA

TEMUBUAL DI MEJA PENASIHAT PEMBACA - SATU TINJAUAN

oleh
Mohd. Pisol Ghadzali

Temubual di meja penasihat pembaca boleh ditakrifkan sebagai satu peringkat permulaan yang penting bagi proses rujukan. Proses temubual dianggap bermula sebaik sahaja pengguna mendekati meja penasihat pembaca dan mengemukakan soalan kepada pustakawan yang sedang bertugas di situ. Jenis soalan yang dikemukakan akan menentukan sama ada proses rundingan akan dijalankan dengan ringkas atau mengambil masa yang agak panjang. Peringkat temubual adalah merupakan faktor penting dalam menentukan keberkesanan keseluruhan proses rujukan.


Temubual juga adalah merupakan dialog antara pengguna dengan pustakawan secara langsung dan ia terjadi apabila pengguna bertanyakan maklumat yang diperlukan sementara pustakawan pula cuba memahami soalan dan maklumat yang diperlukan oleh pengguna tersebut. Oleh yang demikian rundingan ini boleh dikendalikan dan dijalankan dengan teratur.

Kepentingan utama temubual rujukan sama ada secara ringkas atau secara mendalam, dapat membantu pustakawan untuk menjawab setengah-setengah persoalan. Jawapan kepada persoalan merupakan penjelasan kepada masalah pengguna dan seterusnya memaklumkan kepada pengguna tentang jenis-jenis atau jumlah maklumat yang mereka perlukan. Beberapa perkara yang disenaraikan di bawah perlu diberi perhatian untuk menjayakan proses rujukan:

1. Jenis maklumat perlu diketahui sama ada beliau mahukan definisi atau sejarah atau ilustrasi atau yang lain-lain.
2. Berapa banyak maklumat yang diperlukan. Sama ada secara ringkas atau mendalam.
3. Bagaimana maklumat akan digunakan. Sama ada untuk ucapan, penyelidikan atau penulisan.
4. Berapa banyak maklumat yang telah diperolehi oleh pengguna kerana ini dapat mengelakkan daripada berlaku proses yang berulang.
5. Berapa lama masa yang diperlukan untuk mencari maklumat. Seandainya masa adalah singkat maka maklumat juga perlu diselaraskan.

Dengan pengetahuan tersebut pustakawan dapat menyediakan diri dan dapat memberi perkhidmatan temubual yang berkesan dan dapat menarik perhatian pengguna dan memberi kepuasan kepada mereka. Koleksi yang lengkap tidak akan bermakna jika tidak digunakan dengan baik dan berkesan. Oleh itu dengan adanya temubual rujukan akan mendekatkan lagi pengguna dengan perpustakaan dan seterusnya meyakinkan mereka tentang perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan.

ALICE IN LIBRARYLAND



WHOSE FAULT IS IT?

Now that you're back at work after the weekend, do you feel full of energy and glad to be alive?

Or are you feeling tired and headache already?

If the latter, you could be suffering from 'building sickness' – a very common condition where the place of work actually causes definite symptoms of ill-health.

Present-day workers who suffer from building sickness are not toiling away in dark Satanic mills, nor are they to be found in fetid sweatshops. Instead, they are extremely likely to be working in smart, modern office blocks.

A recent survey discovered that over 80 per cent of office workers are suffering from sick building syndrome. Researchers questioned over 4,000 workers in 46 different buildings, and found that a vast proportion suffered from lethargy, stuffy nose, dry throat or dry and itching eyes and frequent headaches.

None of these are exactly serious complaints, but they can add up to make workdays a real misery. The condition seems to affect women more than men, and in the survey it was found that women are 60 per cent more likely to get headaches, and 54 per cent more likely to suffer from watery or itchy eyes, than male workers.

There are two reasons for this. One is that building sickness is suffered overwhelmingly by clerical workers, most of whom are women, and the other is that virtually all victims are by lower-grade workers, most of whom are still also women – at least in offices.

High-ranking executives suffer least from building sickness, even when they are working in the same office block. This seems mainly because they are working in individual offices – and sick building syndrome always increases with the

amount of people working in a particular office.

The main cause of the condition appears to be bad air-conditioning systems which dry the atmosphere and rob it of necessary humidity. In many modern offices, the same air circulates round all day, and outside windows are never open. Building sickness was found to be worse in offices that were completely sealed from the outside air.

The least healthy buildings, the survey found, were those that had air-conditioning systems of more than seven years old. Defective lighting, which causes discomfort glare, is also a major cause of the problem.

The survey said that those who had to work in cheap, speculatively-built offices suffered far more than workers in plush, purpose-designed offices and workstations. There were also significantly more complaints from those working in public sector buildings.

Building sickness is not an infection, and does not spread like flu. It is an illness which is directly caused by the place of work and as such, goes away immediately at weekends and holiday times. It is not a psychological or stress-related complaint, and is not a necessary accompaniment to work. Many people imagine it is natural to feel ill while at work – but it is not.

If you suspect that your office building is a 'sick' one, what can you do about it? I spoke to Alex Balsdon of the London Hazards Centre, who has recently been involved in studies of sick buildings.

She said: "Until recently, office workers thought the problem was due to them. But the first pointer to building sickness is that the problem disappears at the weekend.

"It is definitely worse when people are dependent on the same air being circulated all day. As the management don't always notice the pro-

blem – since they are probably not working in the same offices – it is up to the workers to point this out.

"The air-conditioning systems are often faulty and badly maintained. It has only been realised recently that these systems can make a big difference to the health of office workers.

"As the humidity levels are often too low, we recommend bringing green plants in, as these help to transpire water to the air. Also, having pots of water standing around makes the air less dry. These are simple improvements which workers can do for themselves. Otherwise, they can call in environmental health inspectors, who can judge whether the actual building is at fault.

"But," added Alex Balsdon, "building sickness is not caused just by bad air-conditioning. New furniture can be a problem, as it gives off formaldehyde fumes, and flickering fluorescent lights contribute to eye strain and tiredness. The flicker of lights can easily be reduced, once it is realised they are causing the problem.

"If a large number of workers in an office suffer from identical complaints, building sickness is most probably to blame."

The syndrome is now officially recognised by the World Health Organisation as a genuine illness which is widespread in America, Canada and Western Europe. It is always associated with a particular building, and not all offices are 'sick.'

There is no need to suffer in silence. If the building is to blame for the ill-health of workers, the management must take steps to make the building healthier. There are always ways in which the air and lighting – the overwhelming causes of building sickness – can be improved, without demolishing the office block and starting again.

- 175 -

* Dipetik dari SAGA, Sept. 1988.

SALAH SIAPA AGAKNYA?

Selepas berehat pada hari cuti hujung minggu, adakan anda berasa penuh bertenaga dan bersyukur kerana masih hidup dan boleh bekerja lagi?

Atau, adakah anda merasa letih dan sudah mula pening kepala?

Jika ya, anda mungkin menghidapi 'penyakit bangunan', iaitu suatu keadaan biasa di mana tempat kerja menyebabkan tanda-tanda kesihatan terganggu.

Pekerja-pekerja masakini yang menghidapi penyakit bangunan bukannya buruh kasar yang terpaksa bertungkus lumus di kilang atau membanting tulang di ladang atau kedai. Sebaliknya, mereka mungkin bekerja di bangunan moden dan selesa.

Satu tinjauan yang di jalankan baru-baru ini mendapati lebih 80 peratus pekerja pejabat menghidapi sindrom penyakit bangunan. Para penyelidik menyoal lebih 4,000 pekerja di 46 bangunan berasingan, dan mendapati sebahagian besar dari mereka mengalami kelesuan, hidung tersumbat, tekak kering atau mata gatal dan sering pening.

Tiada satu pun antara masalah tersebut serius, tetapi ia boleh menyebabkan kita tidak selesa bekerja. Keadaan ini nampaknya lebih menjejaskan wanita dari lelaki. Tinjauan itu mendapati kemungkinan pekerja wanita menghidapi sakit kepala adalah 60 peratus, dan mata gatal atau berair 54 peratus, berbanding dengan pekerja lelaki.

Terdapat dua faktor yang jelas. Pertama, umumnya penyakit bangunan dialami oleh kerani yang kebanyakannya wanita. Kedua, semua mangsanya adalah pekerja peringkat rendah yang juga kebanyakannya wanita, umumnya di pejabat.

Pegawai-pegawai eksekutif berpangkat tinggi jarang menghidapi penyakit bangunan, sekalipun mereka bekerja di bangunan yang sama. Ini adalah disebabkan mereka bekerja di dalam bilik pejabat sendiri sedangkan sindrom



penyakit bangunan lebih kerap berlaku di pejabat yang ramai pekerja.

Punca utama ialah sistem pendingin udara yang tidak memuaskan, tingkap tidak pernah dibuka dan lampu rosak yang menyebabkan mata sakit.

Mereka yang terpaksa bekerja di pejabat yang murah dan tidak teratur juga lebih kerap mengalami penyakit ini dari pekerja di pejabat atau stesen kerja yang mewah dan direkabentuk secara khusus.

Penyakit bangunan tidak berjangkit dan tidak merebak seperti selsema. Ia adalah penyakit yang secara langsung berpunca dari tempat kerja. Oleh yang demikian, ia hilang dengan sendiri dan sertamerta pada hujung minggu atau pada hari cuti. Ia bukan berpunca dari masalah psikologi atau tekanan kerja. Sangkaan bahawa sakit semasa bekerja adalah perkara biasa tidak benar.

Jika anda syak keadaan bangunan pejabat anda 'tidak sihat', apa yang anda boleh lakukan?

Alex Balsdon dari Hazards Centre, London, berkata: "Sehingga baru-baru ini, pekerja-pekerja pejabat menyangka masalah tersebut adalah berpunca dari diri mereka sendiri. Tetapi yang jelas menunjukkan ia penyakit bangunan ialah masalah itu hilang pada hujung minggu.

Pihak pengurusan biasanya tidak sedar akan masalah ini kerana mereka tidak bekerja di pejabat yang sama. Oleh itu, terpulanglah kepada para pekerja sendiri untuk memberitahu mereka.

"Sistem pendingin udara sering rosak dan tidak diselenggarakan dengan betul. Hanya baru-baru ini disedari bahawa sistem pendingin udara boleh menjejaskan kesihatan pekerja-pekerja pejabat.

"Oleh kerana kadar kelembapan begitu rendah, kami cadangkan supaya lebih banyak pokok hijau diletakkan dalam pejabat, kerana ia membantu melembapkan udara dan mengurangkan kekeringan. Para pekerja boleh memanggil inspektor kesihatan alam sekitar yang boleh menentukan sama ada keadaan dalam bangunan pejabat mereka boleh dipersalahkan."

"Tetapi", kata Alex Balsdon, "penyakit bangunan bukan berpunca dari sistem pendingin udara semata-mata. Perabot baru boleh menimbulkan masalah kerana ia mengeluarkan bau yang menusuk hidung dan lampu floresen yang berkelip-kelip boleh menyilau dan menyakitkan mata.

"Jika sebilangan besar pekerja di sesebuah pejabat mengalami masalah yang serupa, maka besar kemungkinannya ia adalah penyakit bangunan."

Kini Sindrom Penyakit Bangunan diiktiraf secara rasmi oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia sebagai sejenis penyakit tulin yang sedang menular di Amerika, Kanada dan Eropah Barat. Ia sering dikaitkan dengan sesebuah bangunan tertentu dan bukan semua bangunan 'tidak sihat'.


Para pekerja tidak perlu menderita dalam senyap. Jika bangunan menjadi punca penyakit mereka, pihak pengurusan mesti mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan dalam bangunan supaya lebih sihat. Terdapat berbagai cara untuk memperbaiki sistem pendingin udara lampu tanpa merobohkan bangunan pejabat dan membina yang baru.

KEPERLUAN MENGADAKAN LATIHAN DALAM MENCEGAH KEBAKARAN

oleh
Mohd. Pisol Ghadzali

Kemalangan merupakan satu tragedi yang tidak diketahui bila akan berlaku. Kemalangan boleh berlaku di mana-mana seperti kata pepatah *Malang tidak berbau*. Berhubung dengan faktor kemanusiaan, semua pekerja, kakitangan atau sesiapa jua di dalam sesebuah organisasi patut mendapat penerangan atau pengenalan tentang bahaya-bahaya kebakaran supaya mereka lebih berhati-hati semasa bertugas dan menyedari sesuatu yang boleh mendatangkan ancaman atau bahaya kepada nyawa mereka atau nyawa orang lain yang bekerja atau tinggal bersama-sama. Oleh yang demikian latihan adalah sangat diperlukan demi meneguhkan sistem pencegahan kebakaran. Banyak peraturan telah dikeluarkan tentang mencegah kebakaran di jabatan-jabatan atau di firma-firma tetapi peraturan-peraturan ini tidak dapat dilaksanakan kerana kemungkinan pekerja-pekerja tidak tahu objektif tentang peraturan ini, iaitu bertujuan untuk melindungi nyawa dan harta benda. Mereka melihat peraturan ini sebagai 'satu skrip sahaja, tambah-tambah lagi peraturan ini tidak dikuatkuasakan dan tidak tahu bagaimana hendak menjalankannya. Oleh yang demikian peraturan ini hanya tinggal sebagai satu penulisan sahaja yang tidak berharga.

Sebagai suatu langkah mengawal kebakaran, kebanyakan firma atau jabatan telah menubuhkan jawatankuasa untuk mengkaji penguatkuasaan sistem pencegahan kebakaran. Peraturan-peraturan disediakan untuk dipatuhi oleh kakitangan dan menentukan bahawa peraturan ini berkuatkuasa sepanjang masa. Jawatankuasa perlu bermesyuarat setiap bulan atau pada bila-bila masa yang diperlukan demi untuk menjamin keselamatan jabatan masing-masing. Kawad kecemasan juga perlu diadakan sekurang-kurangnya enam bulan sekali supaya kakitangan menjadi lebih mahir dan tahu memainkan peranan masing-masing apabila berlakunya kebakaran. Kawad serupa ini juga dapat mengingatkan kakitangan tentang tugas-tugas mereka apabila berlakunya kecemasan. Apa yang lebih penting ialah supaya perkara ini dapat dimaklumkan kepada semua kakitangan yang baru dilantik untuk setiap jabatan supaya mereka sentiasa disedarkan dengan peraturan-peraturan tersebut.



LAPORAN

Kursus "Academic Library Management"

Rashidah Begum telah menghadiri kursus tersebut di Birmingham, England dari 15 hingga 27 Januari 1989. 20 pustakawan dari 18 negara telah menyertai kursus ini yang dianjurkan oleh British Council.

Tujuan kursus ini adalah untuk memberi peluang kepada pustakawan membincangkan tentang beberapa isu-isu semasa di perpustakaan akademik. Di antaranya fungsi perpustakaan dalam sesuatu organisasi, keperluan kewangan dan kakitangan, pengoptimuman sumber dan aktiviti, perkhidmatan kepada pengguna dalam dan luar, soal pembayaran untuk perkhidmatan, kerjasama dan penilaian pencapaian.

Ceramah Pentadbiran

Pada 13 Februari 1989, Jabatan Pendaftar telah menganjurkan Ceramah Pentadbiran yang ditempatkan di Bilik Persidangan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan.

Beberapa orang kakitangan ikhtisas Perpustakaan telah menghadiri ceramah ini yang terbuka kepada semua pegawai pentadbiran termasuk daripada Jabatan Bendahari dan Perpustakaan. Majlis telah bermula dengan ucapan pengaluan menyambut tahun 1989 oleh Pendaftar.

Ceramah pertama oleh Timbalan Pendaftar, Cik Hajjah Siti Mazenah Saad, bertajuk *Peranan kepimpinan dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan dan produktiviti kerja*. Beliau telah membincangkan tentang 'faktor-faktor yang memungkinkan peningkatan keberkesanan pengurusan' iaitu 'interaksi perubahan alat fizikal, sikap, kepimpinan, prosedur dan sistem dalam satu-satu organisasi'.

Ceramah kedua oleh Encik Zainol Che Mamat, Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (Bahagian Pengurusan), bertajuk *Budaya Korporat*. Antara lain, beliau menyarankan bahawa budaya korporat yang praktik ialah yang dapat meminimumkan konflik nilai di antara individu ahli dan organisasi dan beliau percaya bahawa budaya USM perlu menganggapkan semua kakitangan baru tidak mampu memberi khidmat cemerlang tanpa melalui proses *USMisasi*.

Pameran-Pameran

Pada bulan Januari 1989, dua pameran yang melibatkan Perpustakaan telah diadakan. Pameran sempena Syarahan Umum Profesor DiRaja Ungku Aziz memaparkan tentang riwayat hidupnya serta penulisan tentangnya dan juga oleh beliau sendiri. Pameran yang ditempatkan di ruang ligar Dewan Tuanku Syed Putra berlangsung dari 5 hingga 8

Januari. Pada 11 hingga 18 Januari pula pameran sempena sambutan Maulud Nabi diadakan di ruang ligar Perpustakaan. Penekanan diberi kepada seni tulisan khat dan seni bina yang bercirikan Islam.

Bengkel Penerbitan Pita Slaid (Pendidikan)

Masrah Hj. Abidin dan Norma Bahri telah menghadiri Bengkel ini pada 26 Januari 1989 di Pusat Teknologi Pendidikan dan Media, USM. Bengkel telah dikendalikan oleh Encik Fattawi Mokhtar, pensyarah PTPM.

Latihan Sangkut di Bengkel Elektronik

Kamaruddin Bidin, Abdul Rahim Ahmad Ludin dan Sandanadass Anthonysamy telah menjalani latihan untuk Juruteknik Rendah di Bengkel Elektronik, Jabatan Fizik dari 10 Oktober hingga 16 Disember 1988 (pagi sahaja tidak termasuk Sabtu).

Latihan Wordstar 5.0

Boey Fook Loong, Cheah Teng Boon, Mariah Yusof, Mohaini Ismail, Quah Kung Hai, Wan Zahari Wan Din, Woo Kok Pheng dan Yvonne Rasen telah menjalani latihan yang dikendalikan oleh Dr. G.S. Rao di Biro COMBITS, Pusat Pengajian Sains Matematik dan Sains Komputer. Latihan dijalankan selama 5 hari, iaitu dari 7 hingga 11 Mac 1989.

Pada pendapat Yvonne, "The training was actually meant for beginners as WS5 is an extension of WS3.3 and WS4. It is the latest and most advanced technique in Wordstar. Since half of the participants already knew Wordstar, the first 2 days were actually a refresher course. (In my opinion) for those who had no knowledge of Wordstar, the training was most beneficial. For the rest of the group, it was additional knowledge and kept us up with the times. The latest features will definitely benefit us in our daily work in the Library."


Ceramah "Being Happy"

"Being Happy" oleh Encik Andrew Matthews pengarang buku tersebut, telah disampaikan di Dewan Kuliah V pada 18 Mac 1989. Ceramah telah dianjurkan oleh Perpustakaan bersama Federal Publications. Antara lain, Encik Matthews telah menyarankan supaya kebahagiaan jangan ditangguh-tangguhkan. Masa untuk menikmati kebahagiaan ialah sekarang.



Ceramah-ceramah untuk kakitangan ikhtisas

Dua ceramah telah diadakan dalam tempoh ini. Pada 21 Mac 1989 Berkomunikasi secara berkesan, *Effective Communication* oleh Encik Mansor Ahmad, Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Rancangan Komunikasi Perhubungan Manusia. Pada 24 Mac 1989 *Interpersonal Relationship* oleh Encik Ahmad Khamis, Pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan.



Teruna : Komunikasi cara baru - melalui sentuhan.


Dara : Janganlah ... !!!

Penyelidikan "In-house Usage of Library Books"

Bahagian Latihan, Projek & Penyelidikan sedang berusaha menjalankan penyelidikan tentang *In-house usage of library books*. Pada 26 Januari 1989, satu mesyuarat telah diadakan untuk membincangkan tentang kaedah-kaedah untuk melaksanakan penyelidikan tersebut. Borang soal selidik telah disediakan dan telah siap pada bulan Februari 1989. Dua orang kakitangan ikhtisas, iaitu Rapeeah Ahmed dan Mohd. Pisol Ghadzali telah membantu menjalankan penyelidikan ini.

Soal selidik percubaan telah diadakan pada 15 Mac 1989. Sebanyak 200 borang soal selidik telah digunakan sebagai percubaan. Hasil daripada penyelidikan percubaan sedikit ubahsuai telah dibuat kepada soalan-soalan yang agak samar dan borang-borang tersebut dihantar ke Bahagian Automasi untuk dianalisis. Penyelidikan sebenar telah dicadangkan untuk bulan Julai 1989.





Kempen Bersopan Santun di Perpustakaan

Kempen ini akan dilancarkan pada 22 Jun 1989 oleh Datuk Naib Canselor. Mengikut Pengerusi Jawatankuasa Kempen ini, Zainab A. Kader, "Kempen ini dirasai perlu diadakan memandangkan bahawa kerja di Perpustakaan adalah berorientasi perkhidmatan dan nilai yang diberi kepada perkhidmatan sangatlah tinggi, sehingga boleh menaikkan nama Perpustakaan atau sebaliknya."

Di antara rancangan yang telah dicadangkan ialah peraduan cogan kata, pertunjukan video/slaid, sidang mini, pameran dan pengeluaran lencana dan tanda buku. Kempen ini akan melibatkan semua kakitangan dan pengguna Perpustakaan, sebab tujuannya adalah untuk menyedarkan tentang kelebihan bersopan santun sebagai satu cara hidup.

Majlis Makan Malam Mesra Naib Canselor

Majlis ini telah berlangsung pada 24 Februari 1989 bertempat di Bangunan 328A. Pada malam tersebut Naib Canselor telah meraikan beberapa orang kakitangan yang bersara. Turut diraikan juga ialah lima orang kakitangan yang telah berkhidmat cemerlang dan empat puluh dua orang yang mendapat sijil penghargaan, antaranya tiga orang kakitangan Perpustakaan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Shariffudin Abdul Rahim, Abu Othman dan Phuah Seng Tat.

PANGKALAN DATA SEARRAG

oleh
Noor Ida Yang Rashdi


Satu pangkalan data mengandungi bahan-bahan penyelidikan tentang pendidikan di negara-negara ASEAN telah diwujudkan oleh SEARRAG (*South East Asian Research Review Group*) di Perpustakaan pada bulan Disember 1988.

Pangkalan data ini berbentuk bibliografi menggunakan sistem perisian CDS/ISIS dan mempunyai ciri-ciri akses tertentu seperti pengarang, tajuk, bentuk penerbitan, bahasa, nama negara, tajuk perkara dan abstrak.

Pusat SEARRAG di Universiti Sains Malaysia akan menjadi *clearing house* atau pusat pengumpulan rekod-rekod dari negara-negara ASEAN yang lain. Dari masa ke semasa pusat-pusat SEARRAG tersebut akan menghantar rekod-rekod negara masing-masing dalam bentuk disket ke Pusat SEARRAG, Universiti Sains Malaysia untuk dikemaskini-

kan. Objektif projek ini ialah, bidang-bidang tertentu penyelidikan pendidikan akan dikaji *state-of-the-art* untuk tujuan meninjau kedudukan penyelidikan bidang-bidang tertentu di negara-negara ASEAN dari masa ke semasa.

Pada bulan Januari 1989, Pemangku Ketua Pustakawan, Ketua Bahagian Rujukan dan Maklumat serta Pegawai Projek SEARRAG telah melawat Pusat-Pusat SEARRAG di negara-negara ASEAN bagi tujuan memulakan (*install*) pangkalan data serta melatih kakitangan-kakitangan projek cara-cara memasukkan data dan menggunakan sistem CDS/ISIS.



KURSUS PUPUK

oleh
Omar Yusoff

Kami rasa amatlah bertuah; kerana kami merupakan kumpulan yang pertama dipilih untuk menjalani kursus PUPUK yang diadakan di Muka Head pada 24-26 Februari 1989 dan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan pada 27-28 Februari 1989.

Pada jam 3.00 petang, 24 Februari 1989 kami bertolak dari Universiti Sains Malaysia ke Muka Head. Jam 6.00 petang, pendaftaran dan taklimat diberikan oleh Ko-Fasilitator. Setelah mendengar taklimat hati kecil kami tertanya-tanya, bagaimanakah corak kursus PUPUK ini? Ia berlainan dari kursus-kursus yang telah kami hadiri.

Setelah kami mengikuti kursus ini selama tiga hari di Muka Head, pada pendapat kami, kursus ini sungguh 'interesting' dan tidak menjemukan. Malah kursus PUPUK ini memberikan satu pengajaran positif kepada kami. Matlamat utama kursus ini adalah seperti berikut:

1. Untuk menjadi lebih terbuka serta jujur menerima teguran yang membina daripada rakan-rakan sepejabat.
2. Mempelajari bagaimana mahu mempercayai diri sendiri daripada diri orang lain.
3. Bergerak ke arah keaslian dan kemurnian jiwa.
4. Menanamkan rasa penerimaan diri sendiri dan belajar untuk mengurangkan sikap tidak mahu bekerjasama.
5. Mencari jalan atau menyelesaikan masalah peribadi.
6. Mengenal pasti nilai-nilai seseorang itu dan membuat keputusan bersama dan bagaimana hendak memperbaikinya lagi.

Kami rasa banyak lagi matlamat-matlamat kursus ini kalau hendak dihuraikan.

Dengan mengikuti kursus ini kita dapat melihat kelemahan-kelemahan yang ada pada diri kita dan kesalahan-kesalahan yang acapkali dilakukan oleh kita tanpa kita sedari. Kursus ini juga mengajar kami ke arah meningkatkan lagi mutu kerja. Kami berpendapat kursus seumpama ini amat berkesan sekali kepada kami.

Pada 27-28 Februari 1989, kami diberikan ceramah tentang Etika kerja, Kejernihan jiwa dan Perhubungan manusia yang dianggapkan penting di sesebuah organisasi, juga ianya berkaitan tentang apa yang kami pelajari di Muka Head. Setelah menghayati ceramah ini kami berpendapat betapa pentingnya bagi kita, untuk meningkatkan lagi mutu kerja dan menanamkan nilai-nilai murni di sudut hati kita.

Sebagai penutup kursus ini, satu majlis penyampaian sijil dan hadiah telah diadakan.

(Penulis telah menghadiri Kursus ini bersama Mohd. Hassan Hashim, Fadzil Bohari dan Kamal Puteh.)

KUMPULAN KAWALAN MUTU KERJA PERPUSTAKAAN

Kumpulan Kawalan Mutu Kerja Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah ditubuhkan pada 17 Jun 1988. Sebagai percubaan, dua kumpulan telah dibentuk, iaitu Kumpulan Sinaran dan Kumpulan Biru Putih.

Kumpulan Sinaran terdiri dari 7 orang Kerani, iaitu Mohd. Ismail Ariffin (Ketua kumpulan), Mohd. Idris Hj. Ali (Setiausaha), Mohd. Idris Syed Sulaiman, Ahmad Salleh, Teh Toh Seng, Kirubanathan Sundaraju dan Zainol Abdul Karim.

Moto Kumpulan *Berkhidmat Penuh Mesra*, sementara objektifnya ialah untuk mengurangkan kadar masalah berjalan yang jauh semasa proses pinjaman sebanyak 50%. Tema kumpulan adalah ke arah mengwujudkan perkhidmatan kaunter yang cekap dan berkesan.

Kumpulan ini telah mengadakan perjumpaan sekali seminggu pada setiap hari Jumaat, jam 3.00 hingga 4.00 petang. Pada 4 Mac 1989 mereka telah berjaya membuat persembahan kepada pihak pengurusan. Selepas mengambil kira tentang cadangan-cadangan yang telah dibuat, kumpulan ini akan menjalankan cadangan-cadangan mengikut kaedah KMK seterusnya. Persembahan terakhir dijangka dapat dibuat selewat-lewatnya pada bulan Julai 1989. Mereka juga dibawa ke Jabatan Parit dan Taliair, Alor Setar, Kedah untuk menyaksikan persembahan Kumpulan Buruh di sana. Dengan Pendedahan yang sedemikian rupa, ia dapat meningkatkan moral dan keyakinan untuk kakitangan di Perpustakaan ini.

Kumpulan Biru Putih pula terdiri daripada 7 orang Pembantu Am Rendah, iaitu Zakaria Deraman (Ketua kumpulan), Ahmad Shuhami Fadzil (Setiausaha), Abdul Jalil Suid, Che Mat Suid, Md. Yusuf Mat, Krishnan Ramasamy dan Ravindran Vasu.

Moto Kumpulan ialah *Kami Berkhidmat Untuk Perpustakaan* dan objektifnya, menyusun buku sebanyak mungkin supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih sempurna dan memuaskan untuk pengguna-pengguna. Kumpulan ini belum mengadakan apa-apa persembahan setakat ini.



BERITA ASTAKA

Majlis Makan Malam Astaka ke-16

Majlis Makan Malam ASTAKA ke-16 telah diadakan pada 25 Februari 1989 bertempat di Dewan Jamuan, Bukit Jambul Country Club. Lebih daripada 160 orang kakitangan dan tetamu telah hadir di Majlis tersebut.

Pada malam itu Abd. Aziz Razak daripada Bahagian Malaysiana dan Arkib telah muncul sebagai johan bintang ASTAKA '88 sementara K. Kaliappan pula telah muncul sebagai johan pertandingan pakaian beragam. Encik Lim Chee Hong telah diumumkan sebagai 'Tokoh ASTAKA '88. Majlis pada malam itu tamat pada pukul 11.00 malam dengan suasana meriah.



Sukan

Pertandingan Badminton Terbuka Kelab Lioness

Sekali lagi pihak ASTAKA menghantar satu pasukan yang terdiri daripada 2 pemain perseorangan dan 3 pasangan bergu. Mereka adalah Ahmad Nasaruddin Ahmad, Mustapha Ismail, Abdul Basheer Abdullah, Md. Noor Din, Zulkipli Mat, Zainordin, Abdul Aziz Razak, Kamaruddin Bidin dan Mohd. Nasir Abu Hashim.

Dalam pusingan pertama pasukan ASTAKA telah tewas di tangan Kelab Kilat dengan mata 3 - 2.

Pertandingan Badminton Tertutup Universiti Sains Malaysia

Dalam pertandingan badminton tertutup Universiti Sains Malaysia, pasukan yang sama telah mengambil bahagian. Pada peringkat permulaan semua pemain kalah, hanya dapat masuk dalam pertandingan *Loser's pool*. Pasukan bergu Md. Noor dan Kamaruddin sahaja berjaya ke perlawanan akhir dan mereka dapat menduduki tempat naib johan.

HAL-EHWAL KAKITANGAN

Pertukaran Jabatan

1. Mohd. Fekery Ghazali ke Pusat Pengajian Sains Matematik & Sains Komputer - 1.3.89
2. Lee Yin Yuen ke Pusat Pengajian Teknologi Industri - 3.1.89
3. Zülkipli Mat sebagai Kerani ke Jabatan Pendaftar, Bahagian Personel, Kampus Kubang Kerian - 1.4.89
4. Zulkifli Ramli ke Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan - 15.4.89
5. Ahmad Shuhami Fadzin ke Pusat Pengajian Luar Kampus - 15.4.89

Pertukaran Bahagian

1. Mary Vergis dari Bahagian Bahan-Bahan Bersiri dan Dokumen ke Bahagian Rujukan & Maklumat.
2. Nor Adzam Baba dari Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Pengembangan ke Bahagian Malaysiana dan Arkib.
3. Che Mat Suid dari Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Pengembangan ke Bahagian Bahan-bahan Bersiri & Dokumen.
4. S. Munusamy dari Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Pengembangan ke Bahagian Rujukan & Maklumat.

Kakitangan Baru

1. Mariah Yusof dari Desasiswa Cahaya bertukar ke Perpustakaan (Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan) - 3.1.89
2. Abdul Rahim Osman dari Pusat Pengajian Sains Perubatan ke Perpustakaan (Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Pengembangan) - 1.4.89
3. Mohamad Zohaimi Che Noh dari Pusat Pengajian Sains Perubatan ke Perpustakaan (Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Pengembangan) - 1.4.89

Kakitangan Tetap

1. Sze-Too Yu Tit dilantik sebagai Juruanalisa Sistem Pusat Komputer tetapi berkhidmat di Perpustakaan.

Personaliti

SITI FATIMAH HASHIM

Kehidupan di atas muka bumi ini semakin hari semakin mencabar. Dugaan demi dugaan dan cabaran demi cabaran ditempuhi dan dialami oleh manusia. Masa berlalu begitu cepat. Di dalam detik dan masa yang berbaki dan yang diizinkan-Nya itulah manusia mencari dan mengejar sesuatu di dalam hidup. Kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat merupakan titik yang diletakkan oleh Siti Fatimah Hashim sebagai matlamat hidupnya.

Anak Pulau Pinang yang dilahirkan 29 tahun yang lalu merupakan anak sulung daripada empat orang anak-anak Encik Hashim Said hasil perkongsian hidupnya dengan Puan Jamaliah Jusuh. Tidak hairanlah jika Siti semasa kecil lagi telah menunjukkan sifat ketekunan dalam menghadapi pelajaran untuk dicontohi oleh adik-adiknya.

Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) daripada Universiti Sains Malaysia pada tahun 1984 dan Diploma Lيسان Ijazah Sains Perpustakaan & Maklumat daripada Institut Teknologi Mara pada tahun 1986, Siti kini menjawat jawatan Penolong Pustakawan di Perpustakaan Perubatan. Siti berpendapat kerjaya sekarang sangat menarik dan mencabar, seiring dengan kemajuan dunia masa kini.

Siti yang membina hidup bersama seorang eksekutif Bank telah dikurniakan seorang cahaya mata, Mohd. Yusuf yang kini berusia 8 bulan. Ditanyakan bila nak menimang cahaya mata kedua ...*coming soon*... katanya sambil tersenyum penuh makna.

Waktu lapangnya Siti suka menghabiskan masa membaca akhbar atau bersiar-siar bersama-sama keluarga. Warna kegemarannya Siti ialah warna merah jambu dan makanan/minuman kegemarannya ialah mehun sup dan laici.

Apa hobi Siti?... ooh hobi! ..."shopping" katanya sambil tersenyum.

Sempena Hari Raya ini, Siti mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya dan amat berharap semua kakitangan Perpustakaan bekerjasama menjayakan KMK untuk mewujudkan suasana kerja yang lebih menarik.

SUDUT PEMBACA

Ubahkan "water-cooler"

Saya ingin mencadangkan agar *water-cooler* yang berada di tingkat 3 dipindahkan dari sebelah tandas lelaki ke tempat yang lebih selesa dan lebih bersih. Tandas yang sentiasa memberi "aroma" yang sungguh menyinggung ini membuat seseorang yang ingin minum merasa jijik hendak minum walaupun kerongkong tersangat kering.

Di samping itu mungkin elok sekiranya 'badan' yang bertanggungjawab di atas pentadbiran sebegini meletakkan sign 'JANGAN MELUDAH' di tepi *water-cooler* kerana terdapat orang meludah ke dalamnya. Di samping menggelikan ia juga mungkin boleh merebakkan penyakit. Terima kasih sekiranya cadangan ini diberi perhatian.

'KAKI MINUM'



Kenangan

*Suria senyum di kala pagi
Membuatkan ayam gembira berkokok
Air laut membawa diri
Menampakkan pantai putih berseri
Aku duduk seorang diri
Mengenangkan kenangan menimpa diri
Tidakku duga akan terjadi
Tidakku sangka begini jadinya*

*Sangkaku ia gembira dengan senyuman
Sayangnya berlalu dengan linangan air mata
Kenapa janji tidak ditepati
Kenapa kata-kata tidak dikota
Jika dikenang jika dilamun
Gembira bermula derita akhirnya
Entah mengapa kenangan datang menjelma
Membuatkan hati bertambah gelisah*

*Kenangan manis yang tidak dilupa
Kenangan pahit membawa luka
Tinggallah daku seorang diri
Membawa diri tanpa haluan
Hanya satu pintaku
Kenangan lama tidak menjelma lagi*

Aduka
Perpustakaan Perubatan

Sudut Resipi

AGAR-AGAR LAICI

HIDANGAN BERBUKA PUASA DAN HARI RAYA dari koleksi Aznan Omar

Bahan-bahan

- 1 tahlil agar-agar
- 300 gm gula pasir
- 1 tin laici
- 8 cawan air
- sedikit gula batu
- perwarna merah

Cara-cara membuatnya

1. Agar-agar di masak hingga mendidih
2. Masukkan gula pasir - biar sampai mendidih
3. Campurkan air laici, gula batu dan pewarna merah
4. Kacau perlahan-lahan dan biar di atas api buat sementara
5. Angkat dan tapis ke dalam loyang
6. Tabur buah laici yang telah dihiris
7. Biarkan ia sejuk dan beku di dalam peti sejuk

KEK SRI PUTERI

Bahan-bahan

- 9 biji telur ayam
- 200 gm gula halus
- 300 gm tepung gandum
- 2 sudu makan susu pekat
- sedikit *baking powder*
- sedikit esen vanila
- sedikit ceri merah dan hijau
- sedikit kismis

Cara-cara membuatnya

1. Pukul telur dengan gula hingga kembang, tambahkan susu pekat dan esen vanila sambil dikacau hingga sebati.
2. Kemudian masukkan tepung gandum dan *baking powder*. Gaul adunan itu sehingga sebati.
3. Tuang ke dalam acuan yang telah ditaburkan dengan sedikit ceri dan kismis.
4. Bakar hingga masak.
5. Terbalikkan kek itu ketika menghidang.

Nota: Kek ini sesuai dimasak di dalam acuan kertas.


KEK COKLAT MADU BEREMPAH

Bahan-bahan

- 1/2 paun tepung gandum
- 2 sudu besar koko
- 6 oz mentega/marjerin
- 6 oz gula halus
- 4 biji telur
- 2 sudu makan madu
- 2 sudu kecil rempah kuih
- 2 sudu kecil *baking powder*

Cara-cara membuatnya


1. Ayakkan tepung dan *baking powder*. Koko dibancuh dengan air panas.
2. Mentega dan gula dipukul hingga kembang. Kuning telur dimasukkan satu persatu. Sementara putih telur dipukul hingga menjadi putih dan kembang.
3. Masukkan koko, rempah kuih dan madu ke dalam adunan mentega itu.
4. Kemudian masukkan tepung sedikit-sedikit dan kacau perlahan-lahan.
5. Akhir sekali masukkan putih telur yang dipukul tadi. Kacau perlahan-lahan sama rata.
6. Masukkan ke dalam acuan yang telah disapu minyak dan bakarlah hingga masak.



C A R I K A T A

Di bawah ialah senarai 45 nama tempat di Malaysia.

Anda dikehendaki mencari perkataan-perkataan itu di dalam rajah yang diberi dan menggariskannya. Perkataan-perkataan ini ada yang dieja menghalu ke bawah, ke atas, miring ke atas/bawah dan melintang ke depan/belakang. Huruf-huruf di bawah boleh digunakan lebih daripada sekali.



- | | | | |
|----------------|------------------|------------------|-------------------|
| 1. Arau | 12. Kuah | 23. Nami | 34. Mela |
| 2. Angsa | 13. Kulim | 24. Nilai | 35. Sarawak |
| 3. Bota | 14. Keluang | 25. Pilah | 36. Tangkak |
| 4. Bahau | 15. Kota | 26. Perak | 37. Tumpat |
| 5. Dungun | 16. Kuala Lumpur | 27. Paka | 38. Taiping |
| 6. Dap | 17. Kapar | 28. Pulau Pinang | 39. Terengganu |
| 7. Gap | 18. Langkawi | 29. Rawang | 40. Ulu Bendul |
| 8. Guar | 19. Linggi | 30. Raub | 41. Woh |
| 9. Hulu Langat | 20. Marang | 31. Subang | 42. Perai |
| 10. Jabur | 21. Muar | 32. Sik | 43. Lang (Gunung) |
| 11. Johor | 22. Melaka | 33. Sungkai | 44. Kali |
| | | | 45. Abi |

*Dipetik dari BERITA PELANCONGAN MALAYSIA. Julai 1988.

KUIZ JENDELA SEMPENA ULANGTAHUN KETIGA

Hanya 2 orang sahaja yang berjaya dalam kuiz ini. Tahniat kepada

Zulkipli Mat (pemenang pertama)
Lily Oh (pemenang kedua).

Cahaya mata

JENDELA mengucapkan tahniah atas kelahiran cahaya mata kepada:

Mohd. Idris Haji Ali
Bahagian Rujukan & Maklumat
cahaya mata lelaki

Zulkipli Mat
Bahagian Proses Teknik
cahaya mata lelaki

Nor Azilan Nordin
Perpustakaan Perubatan
cahaya mata perempuan

Akhlar Salleh
Penerbit USM
cahaya mata lelaki

Selamat Pengantin Baru

JENDELA mengucapkan Selamat Pengantin Baru kepada

S. Munusamy & Mangeswari
8 Februari 1989

Abdul Aziz Razak & Mariam Othman
12 Mac 1989

Quah Kung Hai & See Soo Kiow
19 Mac 1989




**SELAMAT HARI RAYA
AIDIL FITRI
KEPADA SEMUA
KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN
YANG BERAGAMA
ISLAM**



daripada

LIM CHEE HONG



 Salam Aidilfitri
untuk saudara dan
saudari.

Bersamalah kita
meraikan hari yang
mulia ini dengan
penuh kesyukuran
dan keinsafan
SELAMAT HARI RAYA
MAAF ZAHIR BATIN
DARIPADA

 RA/NHAH/FD 

**SELAMAT
HARI RAYA ADIL FITRI**

**MAAF ZAHIR
BATIN**

daripada

**ZAINAB ABD KADER
DAN KELUARGA**

**Kami sekeluarga
menjemput
semua kakitangan
Perpustakaan
ke rumah
pada
Hari Raya Pertama**



kepada semua
kakitangan
islam

selamat hari raya
aidil fitri
maaf zahir batin



perpustakaan
u.s.m.

daripada
kakitangan
perpustakaan
cawangan perak



KEPADA SEMUA
KAKITANGAN
ISLAM
PERPUSTAKAAN

SELAMAT
HARI RAYA
AIDIL FITRI

DARIPADA
YEOH HOONG
KHENG



KEPADA SEMUA
KAKITANGAN
ISLAM
PERPUSTAKAAN




SELAMAT
HARI RAYA
AIDIL FITRI



daripada

WONG SOOK JEAN






SEMUA
KAKITANGAN
ISLAM PERPUSTAKAAN



SELAMAT HARI RAYA
AIDIL FITRI



DARIPADA
TANG WAN FONG



KEPADA SEMUA
KAKITANGAN
ISLAM
PERPUSTAKAAN



SELAMAT
HARI RAYA
AIDIL FITRI



daripada



MR & MRS QUAH K.H.
&
WOO KOK PHENG





**SELAMAT
HARI RAYA
AIDIL FITRI**





**KEPADA
SEMUA
MUSLIMIN
&
MUSLIMAT**

DARIPADA

**RASHIDAH BEGUM
& SEKELUARGA**



MAAF ZAHIR BATIN



**SEMUA
KAKITANGAN
ISLAM**



**SELAMAT
HARI RAYA
AIDIL FITRI**

daripada

PERPUSTAKAAN




*

P. VELUSAMY



dan Keluarga.



MAAF ZAHIR BATIN

daripada

**MOHD. AROP
BIN HAJI SENAWI**

**SELAMAT
HARI RAYA
AIDILFITRI**

**DIUCAPKAN KEPADA
SEMUA KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN
YANG BERAGAMA
ISLAM**



**SALAM
ADIL FITRI**



**MAAF
ZAHIR DAN
BATIN**






**KEPADA SEMUA
KAKITANGAN
MUSLIMIN
&
MUSLIMAT**



daripada

SALMAH

MOHD NOOR






**KEPADA SEMUA
KAKITANGAN
YANG BERUGAMA
ISLAM**






daripada

**HALIZA ZAKARIA
&**

SEKELUARGA









**SELAMAT HARI RAYA
AIDILFITRI
MAAF ZAHIR BATIN
SERTA
INGATAN MESRA
SEPANJANG MASA**



**SEMUA
KAKITANGAN
ISLAM
PERPUSTAKAAN**

**SELAMAT
HARI RAYA
AIDIL FITRI**

daripada
**PANG
SIAM CHOONG**



SELAMAT HARI RAYA
AIDIL FITRI

MAAF ZAHIR BATIN

Kepada
SEMUA KAKITANGAN
YANG BERUGAMA ISLAM

daripada
KALSOOM CHE DIN



SELAMAT
HARI RAYA
AIDILFITRI


Maaf Zahir Batin

1 Syawal 1409

UNTUK SEMUA MUSLIMIN
MUSLIMAT

daripada

BASHER & KELUARGA




SELAMAT HARI RAYA PUASA
KEPADA
MOHD. FADHIL BOHARI,
PUAN NORIZAN &
ANAK NORFAZLIANA

daripada

R. MUNIANDY
&
SUMATHI DEVI



SELAMAT HARI RAYA
KEPADA SEMUA
KAKITANGAN ISLAM
PERPUSTAKAAN USM



daripada

KHOO BENG CHOO



**SELAMAT
HARI RAYA AIDILFITRI
KEPADA SEMUA
KAKITANGAN
ISLAM
PERPUSTAKAAN**



daripada

LILY OH



**SELAMAT
HARI RAYA AIDILFITRI
KEPADA
SEMUA
KAKITANGAN ISLAM
PERPUSTAKAAN**

daripada

CHANG SIW LAI



**SELAMAT HARI RAYA
AIDIL-FITRI
MAAF ZAHIR BATIN
DARI HUJUNG RAMBUT
SAMPAI HUJUNG KAKI..II..**

daripada

**OMAR, AZIZ, AHMAD ZAKI,
ABDULLAH, MOHD. YUSOF,
MOHD. SHAMSUDIN**



**SELAMAT HARI RAYA
AIDIL FITRI
KEPADA SEMUA KAKITANGAN
MUSLIM PERPUSTAKAAN USM
MINDEN, KUBANG KERIAN,
IPOH**

**IKLAS
MAAF ZAHIR BATIN**

daripada

SHARIFFUDIN ABDUL RAHIM



daripada


SELAMAT HARI RAYA
AIDIL FITRI

Muniandy a/l Rajamanikam
Kaliappan a/l Ramasamy
(kaliyuga kannan)
Vijayasekaran Suppiah
(private investigator s.v.)
Ravindran Vasu Thevar
(ooiyathu ullaikkum
karangal)



KEPADA

SEMUA KAKITANGAN
ISLAM PERPUSTAKAAN



Selamat Hari Raya
Aidilfitri


SELAMAT
HARI RAYA
AIDILFITRI
MAAF ZAHIR BATIN
kepada semua
MUSLIMIN
&
MUSLIMAT

daripada
KAKITANGAN
BENGKEL JILID

DARIPADA:
KAKITANGAN
PERKHIDMATAN
MEDIA

SELAMAT
HARI RAYA
AIDIL FITRI
KEPADA SEMUA
KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN





**SELAMAT
HARI RAYA AIDILFITRI
KEPADA SEMUA
KAKITANGAN ISLAM
PERPUSTAKAAN**

daripada

AHMAD NASARUDDIN AHMAD
AND FAMILY

PARAMASWARY ANTHONY MORRIS
& KELUARGA

YVONNE RASEN

ANGELA YEN & KELUARGA

MAT RONI ABDUL RAHMAN

RAYMOND TEH TOH SENG

KIRUBANANTHAN & ISTERI

MUSTHAPA ISMAIL & KELUARGA

MOHD. SHAMSURI B. JUSOH

MOHD. IDRIS HAJI ALI & KELUARGA

SELAMAT
HARI RAYA AIDILFITRI
KEPADA SEMUA
MUKTAMADIN ISLAM
BERPUESTAKAWAN

daripada

YUSUF MANSUR BIN YUSUF
PARTNER, KUALA LUMPUR
ANGELA YEN KHALID
MUT. BIN ABU RAHMAN

RAYMOND TON JOHN
KURNIAWATI & PARTNER
MUSTAFA ISMAIL & PARTNER
MUT. MANSUR BIN YUSUF
MUT. PARTNER & PARTNER